

Sedia bermalam di sekolah jika banjir melanda

KUALA LUMPUR 27 Nov. - Kementerian Pelajaran mengingatkan calon peperiksaan di kawasan berisiko banjir agar bersedia untuk bermalam di pusat peperiksaan jika banjir melanda kawasan rumah mereka.

Pegawai Perhubungan Awamnya, Halimaton Hamza berkata, calon khususnya di Pantai Timur, Sabah dan Sarawak diminta membuat persiapan untuk menghadapi kemungkinan itu.

"Mereka dinasihatkan menyiapkan buku rujukan, tikar dan pakaian untuk dibawa ke pusat peperiksaan jika banjir melanda.

"Ini bertujuan memastikan calon tidak dihalang oleh banjir untuk menduduki peperiksaan," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Katanya, ketua pengawas, penolong ketua pe-

ngawas dan pengetua sekolah telah diberi arahan agar bersedia untuk menempatkan calon di pusat peperiksaan.

"Mereka telah diarahkan untuk melaporkan diri dengan segera di pusat peperiksaan jika berlaku banjir untuk memberi bantuan sewajarnya kepada pelajar yang bermalam di sekolah.

"Kami juga akan bekerjasama dengan jawatankuasa banjir tempatan untuk membekalkan makanan, minuman, ubat-ubatan dan apa-apa sahaja bantuan yang difikirkan perlu," katanya.

Tambahnya, semua pegawai terbabit juga diminta memastikan soalan peperiksaan diletakkan di tempat yang selamat.

"Kami akan mengenal pasti bilik-bilik kebal dan balai polis yang sesuai lebih awal untuk menempatkan kertas peperiksaan," ujarnya.